

09 FEB 1998

PERDANA MENTERI LUBNAN TIBA UNTUK LAWATAN DUA HARI

KUALA LUMPUR, 9 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Lubnan Rafic Hariri tiba di sini hari ini untuk lawatan rasmi dua hari yang bertujuan mengukuhkan lagi hubungan di antara kedua-dua negara.

Pesawat khas yang membawa Hariri dan anggota rombongannya mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah di Subang pada pukul 11 pagi.

Hariri disambut oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Yang turut hadir ialah Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Kedua-dua perdana menteri itu kemudian beredar ke Dataran Parlimen bagi majlis sambutan rasmi sebelum mereka mengadakan perbincangan di Jabatan Perdana Menteri.

Lawatan ini merupakan yang kedua bagi Hariri dalam tempoh tiga tahun.

-- BERNAMA

MAM AKD